



SIARAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

PTPTN PERKUKUH KECEMERLANGAN TADBIR URUS RAIH ANUGERAH PERDANA KESELAMATAN PERLINDUNGAN DAN PENARAFAN 5 BINTANG CEMERLANG

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sekali lagi melakar satu kejayaan membanggakan apabila menerima **Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan Tahun 2025 dengan Penarafan 5 Bintang (Cemerlang)** serta **Anugerah Perdana Keselamatan Perlindungan Tahun 2025** dalam Majlis Penyampaian Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan dan Peluncuran Sistem Pengurusan Keselamatan Perlindungan (e-PS) serta Sistem e-Vetting 3.0 yang berlangsung pada 8 Jun 2026 di Dewan Damar Sari 1 & 2, Putrajaya. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara.
2. Kejayaan ini merupakan satu pengiktirafan berprestij terhadap komitmen PTPTN dalam memperkukuh aspek keselamatan perlindungan, tadbir urus organisasi dan pengurusan maklumat. Dalam penilaian melibatkan 118 buah agensi, terdapat **50 agensi berjaya memperoleh Penarafan 5 Bintang (Cemerlang)**, manakala **enam (6) agensi terbaik** dengan markah keseluruhan tertinggi dipilih menerima **Anugerah Perdana Keselamatan Perlindungan**. PTPTN berada dalam kelompok terbaik tersebut, sekali gus membuktikan kecemerlangan organisasi dalam mengurus aspek keselamatan perlindungan mengikut standard yang ditetapkan.
3. Ketua Eksekutif PTPTN, YBrs. Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid berkata, “Kejayaan ini merupakan hasil daripada komitmen, dedikasi dan semangat kerja berpasukan seluruh warga PTPTN dalam memastikan keselamatan maklumat, aset serta kepentingan strategik organisasi sentiasa terpelihara. Pengiktirafan ini bukan sahaja menjadi kebanggaan warga PTPTN, malah menjadi pemangkin untuk terus memperkukuh budaya keselamatan perlindungan dan tadbir urus yang cemerlang.”

4. “Setiap warga PTPTN memainkan peranan penting dalam memastikan tanggungjawab yang diamanahkan dapat dilaksanakan dengan penuh integriti, profesionalisme dan disiplin tinggi, selaras dengan keperluan serta piawaian yang ditetapkan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO),” tambah beliau lagi.

5. Pencapaian ini mencerminkan komitmen berterusan PTPTN dalam memperkukuh budaya keselamatan perlindungan, mengamalkan tadbir urus yang mantap serta memastikan pematuhan terhadap standard keselamatan terbaik demi melindungi aset, maklumat dan kepentingan organisasi.

6. Sebagai agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), PTPTN akan terus memperkasakan aspek keselamatan perlindungan melalui penambahbaikan berterusan, pemerksaan teknologi digital serta pengukuhan tadbir urus organisasi. Usaha ini sejajar dengan aspirasi PTPTN untuk terus meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan dan mengekalkan kepercayaan pelanggan serta pihak berkepentingan.

7. Kejayaan ini diharap menjadi pemangkin kepada usaha berterusan PTPTN dalam mengekalkan kecemerlangan organisasi serta memperkukuh kedudukannya sebagai sebuah institusi yang berprestasi tinggi, berintegriti dan dipercayai dalam mengurus amanah negara.

Diedarkan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
19 Jun 2026

Untuk pertanyaan daripada pihak media, sila hubungi Puan Rina Abd Rahman (019 - 3888 733) atau Puan Hasliza Abdul Latiff (019 - 354 2388)